

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SAU369 - Wanita dan Masyarakat

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja. Bahagian A **DIWAJIBKAN** dan pilih **DUA** (2) soalan dari Bahagian B.

**Bahagian A**

Bahagian ini **WAJIB** dijawab.

1. Gangguan seksual (sexual harassment) merupakan sesuatu yang berlaku di banyak tempat termasuk di tempat kerja. Apakah yang dimaksudkan dengan gangguan seksual itu? Bincangkan punca-punca yang boleh mengujudkan kejadian gangguan tersebut, kesan-kesannya dan saranan-saranan yang munasabah untuk mengatasinya.

(40 markah)

**Bahagian B**

Jawab **DUA** (2) soalan sahaja.

2. Baru-baru ini kerajaan telah membenarkan isteri-isteri (asing) lelaki Malaysia untuk bekerja di sini, tetapi tidak suami (asing) wanita Malaysia. Beri analisis anda mengenai perkara ini termasuk menggunakan konsep-konsep seperti patriarki, pergantungan dan lain-lain. Nyatakan negara-negara lain yang memberi hak-hak yang sama khususnya mengenai perkara tersebut.

(30 markah)

...2/-

3. Apakah hubungan kait-mengait antara patriarki dan feminism? Terangkan maksud kedua konsep ini dan cuba aplikasikan kepada keadaan di Malaysia.  
(30 markah)
4. Beri analisis anda mengenai pola/trend penyertaan wanita di dalam pasaran buruh sejak 1970 sehingga 1990. Dari itu kaitkan juga dengan penyertaan mereka dalam kesatuan sekkerja.  
(30 markah)
5. Apakah penyakit-penyakit dan gangguan kesihatan yang terutama yang terdapat di dalam pekerjaan di mana pekerja wanita mendominasinya? Beri contoh-contoh yang sesuai dalam keterangan anda itu serta diikuti dengan saranan-saranan untuk mengatasi keadaan itu.  
(30 markah)
6. Kelelakian dan kewanitaan adalah sesuatu pembentukan daripada proses sosialisasi institusi-institusi masyarakat. Sejauh manakah media massa boleh membentuk ciri-ciri dan tingkah laku/peranan seseorang itu dari **kecil hingga tua**? Pilih satu atau dua media sahaja dan gunakan contoh-contoh yang sesuai.  
(30 markah)

- oo ooo oo -